

9 JAN 1996

Anwar-masyarakat (bergambar)

MASYARAKAT MADANI UNTUK TANGANI SUNGUTAN RAKYAT

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Satu masyarakat madani sejagat perlu diwujudkan segera bagi menangani luahan dan keinginan rakyat yang mengharapkan ketelusan dan akauntabiliti dalam kerajaan, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Katanya tradisi di Asia sememangnya mementingkan etika berhubung cara memerintah, mendapatkan keadilan sebagai penyelesaian dan mendaulatkan keikhlasan sebagai prinsipnya.

Ketika berucap pada majlis makan tengah hari di akhir Dialog Pasifik di sini, Anwar berkata : "Di Barat, kritikan terhadap pihak yang memerintah begitu bertenaga dan kadangkalanya sampai ke peringkat berdendam, tetapi rakyat Asia tidak seharusnya dianggap pula terlalu berlembut terhadap pemegang jawatan awam."

Katanya pendedahan mengenai kegiatan rasuah di peringkat tertinggi di beberapa negara menunjukkan arah aliran ini semakin meningkat di Asia, dengan "amalan biasa sudah menjadi menjadi luar biasa".

Sebanyak 50 tokoh politik dan perniagaan, pegawai-pegawai kanan kerajaan serta cendekiawan dari 13 negara menghadiri dialog itu.

"Rasuah pada umumnya adalah isu moral yang menyentuh perasaan masyarakat," kata Anwar sambil menjelaskan bahawa Asia tidak mampu mengatasi masalah ini bersendirian.

Menurut beliau ketika rantau Asia Pasifik semakin menuju ke arah integrasi ekonomi, sebarang dasar yang kurang wajar mempunyai kesan amat buruk.

Bagi mengelak kesilapan, negara-negara Asia harus menggubal dasar berasaskan realiti sosio-budaya yang kompleks.

Beliau juga menyambut baik kesedaran Barat mengenai pentingnya agama dan keluarga dalam pembinaan negara.

Katanya kesedaran mengenai prinsip-prinsip ini, yang satu ketika dulu dianggap sebagai satu amalan Timur yang mundur, merupakan penerimaan kepada pegangan dan aspirasi Asia.

"Bagaimanapun, dalam mengejar kebangkitan keagamaan dan moral, kita tidak harus membenarkan matlamat kita diselewengkan oleh pelampau, baik dari Timur mahupun Barat," kata Anwar.

Anwar berkata bahawa kerajaan di Asia berperanan bukan saja untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi tetapi juga membetulkan ekonomi yang tidak seimbang dan menjamin keadilan sosial.

Katanya kebangkitan ekonomi di Asia Timur akan membantu sekitar 2,000 juta orang daripada cengkaman kemiskinan tetapi usaha ini memerlukan komitmen dan dedikasi di kalangan pihak-pihak yang berkuasa.

Menurutnya kewujudan masyarakat madani dan kemakmuran ekonomi tidak mungkin berlaku tanpa kestabilan serantau.

Untuk itu, beliau menyarankan penubuhan satu sistem keselamatan yang menjurus kepada saling bergantung bagi menyekat sebarang keinginan di bidang ketenteraan.

"Demokrasi dan masyarakat madani yang subur seiring dengan pertumbuhan ekonomi, merupakan jaminan terbaik bagi kita menjamin keamanan dan keselamatan serantau untuk generasi akan datang," katanya.

Anwar yang juga pengerusi bersama dialog itu dengan Senator Christopher Bond dari Amerika Syarikat, berkata ada antara peserta yang menganggap Asia harus dijadikan contoh tentang kekuatan kepelbagaian budaya yang boleh dimanfaatkan.

"Saya lihat dialog antara Asia dan Amerika ini membuahkan hasil yang baik

kerana ia bukan bertujuan mencari percanggahan tetapi titik pertemuan umpamanya bagaimana kita melihat perkembangan, kemajuan dan ledakan ekonomi di China sebagai bukan satu ancaman," katanya.

Beliau berkata dalam hal ini kebijaksanaan dan pendekatan lebih sederhana harus digunakan kerana dialog seperti itu adalah cara paling baik untuk mewujudkan kefahaman bagi mengurangkan ketegangan.

Anwar juga berkata para peserta turut membangkitkan soal keselamatan rantau ini termasuk membincangkan isu-isu seperti Kepulauan Spratly, ujian senjata nuklear dan Korea Utara.

Beliau juga berkata kebanyakan mereka bersetuju dengan pendapat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa sikap berlumba-lumba mendapatkan senjata canggih akan hanya merugikan negara sendiri. -- BERNAMA